



JABATAN BENDAHARI
BURSAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3260/3256/3255/3223
Faks (Fax): 604-928 3299
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

Ruj. Kami: BEND20200416-KB0594
Tarikh: 16 April 2020

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2020

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato' /Prof./Tuan/Puan

POLISI PERLAKSANAAN CROWDFUNDING UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Universiti telah meluluskan pelaksanaan *crowdfunding* di Universiti Utara Malaysia terhad kepada '*donation crowdfunding*' sahaja iaitu pengumpulan dana sumbangan/derma bagi melaksanakan sesuatu projek/aktiviti yang tertentu/khusus.

Polisi pelaksanaan *crowdfunding* di Universiti Utara Malaysia adalah seperti yang ditetapkan di **Lampiran 1**.

Sekian, terima kasih.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah

(EYLANI AHMAD)

Pemangku Bendahari
Universiti Utara Malaysia

s.k - Naib Canselor
Semua Timbalan Naib Canselor
Edaran

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



**POLISI PELAKSANAAN CROWDFUNDING
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

1. Semua Pusat Tanggungjawab di bawah Universiti Utara Malaysia hanya boleh melaksanakan *donation crowdfunding* iaitu pembiayaan tanpa sebarang pulangan yang spesifik kepada setiap penyumbang. Dana yang diterima perlu dibelanjakan khusus kepada tujuan aktiviti penajaan itu dibuat.
2. Pelaksanaan *crowdfunding* hanya boleh dilaksanakan bagi projek/aktiviti yang diluluskan terlebih dahulu mengikut Peraturan Universiti dan tertakluk kepada Had Kuasa dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti seperti berikut;
 - 2.1 Projek Penyelidikan – diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI)
 - 2.2 Seminar – diluluskan oleh Jawatankuasa Seminar
 - 2.3 Aktiviti Pelajar – diluluskan di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar/JPU
 - 2.4 Kegiatan Sosial – diluluskan di peringkat Ketua Jabatan/JPU (mengikut had kelayakan)
 - 2.5 Lain-lain projek/aktiviti – diluluskan Naib Canselor/Jawatankuasa berkaitan
3. PTJ yang telah mendapat kelulusan bagi menjalankan aktiviti/projek tersebut perlu membuat permohonan pembukaan Akaun Amanah di Jabatan Bendahari bagi pengurusan dana yang diterima melalui *crowdfunding* ini.
4. Platform transaksi perbankan yang digunakan bagi *crowdfunding* hanya menggunakan Akaun Operasi Universiti Utara Malaysia di Bank Islam (Nombor Akaun: 02093010000010).
5. Laman sesawang/platform internet bagi pelaksanaan *crowdfunding* ini perlu diluluskan Pengarah UUMIT.
6. Sumbangan/derma melalui *crowdfunding* ini layak mendapat pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, atau di bawah Subseksyen 34B bagi Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi pengecualian cukai dua kali tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan peraturan kewangan Universiti.